

30 NOV 1999

P/raja-N.Sembilan (Reaksi)

KEMENANGAN AMAT CEMERLANG DI N.SEMBILAN, KATA DR RAIS

Oleh: Azman Zakaria

KUALA KLAUANG, 30 Nov (Bernama) -- Kejayaan Barisan Nasional di Negeri Sembilan menyapu bersih 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tujuh kerusi Parlimen adalah satu pencapaian amat cemerlang di tengah-tengah tekanan kuat gabungan pembangkang yang menimbulkan pelbagai isu dan dakwaan.

Bekas menteri penerangan Datuk Dr Rais Yatim yang memenangi kerusi Parlimen Jelevu berkata pada ketika BN diatasi di beberapa negeri tetapi di negeri ini BN masih utuh menjadi satu daripada kubu kuat parti itu,

Ini merupakan satu sejarah manis untuk rakyat yang memberi sokongan kepada BN, katanya kepada Bernama hari ini.

Dr Rais pernah memenangi kerusi Parlimen Jelevu pada pilihan raya umum 1974, 1982 dan 1986 atas tiket BN tetapi tewas ketika mewakili parti Semangat 46 menentang BN pada 1990 dan 1995.

Dan semalam beliau kembali memenangi kerusi itu atas tiket BN menewaskan Jaafar Muhammad (Keadilan) dengan majoriti 7,119 undi. Dr Rais memperoleh 17,028 undi manakala Jaafar mendapat 9,909 undi.

Dr Rais berkata kekalahan pengerusi DAP kebangsaan Dr Chen Man Hin di DUN Temiang kepada Lee Yuen Fong dan di kerusi Parlimen Rasah kepada Datuk Datuk Goh Siow Huat merupakan satu tamparan hebat kepada DAP.

"Ini pukulan terakhir kepada kewujudan parti sosialis, saya tidak fikir parti sosialis akan mendapat tempat di negara ini, zaman mereka telah berakhir," katanya. Dua pemimpin utama DAP Lim Kit Siang dan Karpal Singh turut tumpas di kawasan masing-masing di Pulau Pinang.

Dr Rais berkata kemenangan Lee yang lebih dikenali dengan nama "Tiger Lee" di Temiang begitu manis, kerana Lee pada 1995 memenangi kerusi di situ atas tiket DAP tetapi kemudian menyertai MCA, dan kini mengekalkan kerusi itu dengan menewaskan Dr Chen yang merupakan antara pemimpin utama DAP.

Lee menang dengan majoriti 176 undi setelah mendapat 6,467 undi berbanding Dr Chen 6,291 undi.

Begitu pun Dr Rais berkata BN perlu mengambil iktibar daripada kekalahan parti seperti DAP agar keadaan seperti itu tidak menimpa BN ekoran kini majoriti kemenangan calon BN rata-rata merosot.

"BN perlu mematahkan serangan PAS kerana PAS mungkin mempunyai selera baru sebab baru mendapat senjata baru dengan kemenangan di Terengganu," katanya.

PAS memenangi 28 kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 32 kerusi DUN yang ditandingi dan PAS juga memenangi semua lapan kerusi Parlimen.

Mengenai penglibatannya dalam arus perdana politik, Rais berkata beliau menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi pada masa ini beliau akan menumpukan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat Jelevu.

Pengerusi MCA negeri Datuk Wong See Wah yang menawarkan diri tidak bertanding pada pilihan raya ini berkata dalam keadaan kesukaran serta tekanan yang hebat namun BN negeri mampu memenangi semua kerusi yang menggambarkan sokongan berterusan rakyat kepada BN.

"Pada keseluruhannya rakyat menyokong BN kerana mereka mahukan kestabilan. MCA sendiri yakin yang semua sembilan calon DUN dan dua Parlimen parti ini akan memenangi kerusi masing-masing," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Katanya kemenangan Tiger Lee di Temiang menunjukkan rakyat memilih mereka yang boleh memberikan khidmat.

"Walaupun Dr Chen ialah pengerusi DAP kebangsaan tetapi dia hanya timbul sekali dalam masa lima tahun ketika pilihan raya berbanding Tiger Lee yang memang terkenal kerana kerajinan berkhidmat dan menyuarakan permasalahan rakyat hinggakan digelar Tiger," katanya.

-- BERNAMA

AZ RON